

| 2024-  
2028



ORGANISATIONAL ANTI-CORRUPTION PLAN (OACP)

# PELAN ANTIRASUAH

MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA



UNIT INTEGRITI

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN  
MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA



maklumbalas@mmc.gov.my



www.mmc.gov.my



03-26912171

# ISI KANDUNGAN



---

## BAB 1 PENGENALAN

---

Misi  
Moto  
Akta dan Peraturan  
Maklumat Korporat  
Objektif Majlis  
Kuasa Majlis  
Fungsi Majlis  
Fungsi-Fungsi Utama Majlis Perubatan Malaysia (MPM)  
Keperluan Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi  
Kerangka Pelan Antirasuah MPM

## BAB 2 PELAKSANAAN PELAN ANTIRASUAH (OACP) MPM

Ringkasan Pelan Antirasuah Majlis Perubatan Malaysia 2024-2028  
4 Bidang Keutamaan  
4 Strategi  
6 Objektif Strategi  
Peta Risiko -Senarai Risiko Mengikut Bidang Keutamaan  
Matrik Kebarangkalian dan Impak Risiko

## BAB 3 MEMPERKASA USAHA-USAHA PENCEGAHAN RASUAH DI MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA

- Bidang Keutamaan: Pendaftaran dan Profesionalisme
- Bidang Keutamaan: Pengurusan dan Pentadbiran
- Bidang Keutamaan: Perolehan dan Kewangan
- Bidang Keutamaan: Pengawalseliaan Amalan Perubatan Pengamal Perubatan

## BAB 4 TADBIR URUS

Struktur Pentadbiran Antirasuah MPM  
Senarai Ahli Jawatankuasa Antirasuah MPM

## BAB 5 KESIMPULAN



# BAB 1 | PENGENALAN

# PENGENALAN

# MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA (MPM)

---

## MISI

Matlamat utama MPM adalah untuk memastikan standard etika, pendidikan dan amalan perubatan yang tinggi, demi kepentingan pesakit, orang awam dan profesion perubatan melalui pentadbiran Akta yang adil dan efektif.

## MOTO

Melindungi pesakit dan membimbing doktor.  
*"Safeguarding patients and guiding doctors."*

## AKTA DAN PERATURAN

Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012), selepas ini dirujuk sebagai "Akta", dan Peraturan Perubatan 2017, selepas ini dirujuk sebagai "Peraturan-peraturan"

## MAKLUMAT KORPORAT

Dalam usaha memberi perkhidmatan perubatan yang berkualiti dan selamat untuk negara, Majlis Perubatan Malaysia (MPM) telah ditubuhkan dengan Akta Parlimen yang diluluskan pada 27 September 1971 dan telah diwartakan pada 30 September 1971.

Pada 9 Mei 2007, Kabinet Kerajaan Malaysia telah memberi kelulusan kepada MPM untuk berfungsi sebagai badan korporat seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 3 Akta Perubatan 1971. MPM telah diwartakan sebagai sebuah badan korporat pada 1 Julai 2017 selepas pindaan dibuat kepada Akta Perubatan 1971 pada tahun 2012 dan Peraturan-Peraturan Perubatan 1974 yang digantikan oleh Peraturan-Peraturan Perubatan 2017.

## **OBJEKTIF MAJLIS**

- Memastikan pengamal perubatan sesuai untuk mengamal dan memberi tumpuan kepada keselamatan awam dengan matlamat mencapai ekuiti kesihatan dan meningkatkan hasil kesihatan.
- Meningkatkan hubungan dan perkongsian Majlis dengan orang awam, profesion dan pihak berkepentingan untuk tujuan utama Majlis.
- Memberi piawaian kecekapan klinikal, keselamatan pesakit dan pematuhan kod etika serta memastikan piawaian yang dapat mencerminkan jangkaan orang ramai, profesion dan pihak berkepentingan.
- Memperbaiki hasil pengawalseliaan amalan perubatan dan pengamal perubatan dengan mengadakan sistem pendaftaran pengamal perubatan yang berwibawa dan sesuai untuk mengamalkan perkhidmatan bersepadu ke dalam perkhidmatan kesihatan.
- Mewujudkan standard pendidikan perubatan pra/pasca siswazah bagi tujuan pengiktirafan dan jaminan kualiti kelayakan perubatan.

## **KUASA MAJLIS**

- Seksyen 4A, Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012).
- Pendaftaran dan pensijilan pengamal perubatan.
- Pengawalan standard pengamal perubatan yang berdaftar.
- Pengawalan kod profesional dan etika pengamal perubatan yang berdaftar.

## FUNGSI MAJLIS

- Seksyen 4, Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012).
- Mendaftar pengamal perubatan.
- Mengawal selia amalan perubatan.
- Menentukan apa-apa fi atau denda.

## FUNGSI-FUNGSI UTAMA MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA

- Pendaftaran pengamal bagi tujuan mengamalkan perubatan di Malaysia:
  - i. Untuk mendaftar semua pengamal perubatan yang layak termasuk pendaftaran pakar perubatan.
  - ii. Untuk menguruskan daftar pengamal perubatan dan pakar perubatan.
  - iii. Untuk menilai dan mendaftar pengamal perubatan berdaftar di luar Malaysia.
  - iv. Menilai dan memantau latihan dan prestasi pegawai perubatan siswazah di bawah Jawatankuasa Kelayakan Perubatan (MQC).
  - v. Untuk mempertimbangkan kes-kes pengamal dengan keceliaruan mental atau ketidakupayaan fizikal bagi memastikan kecergasan mereka untuk mengamal.
- Menjalankan aktiviti akreditasi dan pengiktirafan institusi perubatan di dalam dan di luar negara dengan kerjasama Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).
- Mengawal selia etika dan tata tertib pengamal perubatan berdaftar.
- Menerbit dan mengemaskini garis panduan yang berkaitan dengan amalan perubatan di Malaysia.
- Melaksanakan tindakan-tindakan lain bagi memenuhi keperluan berdasarkan Akta.



# KEPERLUAN PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)

---

- Adalah menjadi satu kewajipan/ MANDATORI setiap Kementerian dan Agensi untuk membina satu Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) sebagaimana seperti **Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018 Siri 2 No.1 Tahun 2019 dan Pelan Antirasuah Nasional (NACP)**.
- Ia berperanan untuk memberi penekanan dalam menangani isu dan permasalahan **governans, integriti dan antirasuah** yang meliputi semua bidang kerja dan aktiviti organisasi.
- Melalui Inisiatif 6.2.2 (NACP): Mewajibkan Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs), Syarikat Terhad dengan Jaminan (CLBG) dan Sektor Swasta yang dikawal selia oleh badan kawal selia untuk membangunkan OACP dengan dibantu oleh SPRM, Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah Nasional (GIACC) dan Institut Integriti Malaysia (IIM).



# KERANGKA PELAN ANTIRASUAH (OACP) MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA

---

## VISI


Ke Arah Majlis Perubatan Malaysia Berintegriti dan Bebas Rasuah.

## MISI

Matlamat utama **Pelan Antirasuah Majlis Perubatan Malaysia (OACP)** adalah untuk memastikan **ketelusan** dalam menentukan standard etika, pendidikan dan amalan perubatan yang tinggi, demi kepentingan pesakit, orang awam dan profesion perubatan melalui pentadbiran Akta yang adil dan efektif.

## MOTO

Melindungi pesakit dan membimbing doktor.  
*“Safeguarding patients and guiding doctors.”*



## **MATLAMAT PELAN ANTIRASUAH MPM**



Menghapuskan amalan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan



Menghapuskan rasuah melalui pemerkasaan governans dan integriti



Meningkatkan kompetensi, jati diri dan daya saing warga MPM



## **BAB 2 | PELAKSANAAN PELAN ANTIRASUAH (OACP) MPM**

# RINGKASAN PELAN ANTIRASUAH MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA 2024-2028

---



## **4 BIDANG KEUTAMAAN**

Pendaftaran dan Profesionalisme

Pengurusan dan Pentadbiran

Perolehan dan Kewangan

Pegawalseliaan amalan  
perubatan pengamal  
perubatan

# 4 STRATEGI



**Memperkuuh  
Kecekapan  
penyampaian  
perkhidmatan  
MPM**



**Menerapkan  
tadbir urus baik  
dalam  
mengekalkan  
entiti korporat  
MPM**




**Memantapkan  
kecekapan  
pengurusan  
kewangan  
termasuk  
ketelusan  
dalam aspek  
perolehan**



**Memperkasakan  
akauntabiliti  
kakitangan MPM**

# 6 OBJEKTIF

## STRATEGI OACP MPM



**Memperkuuhkan** kecekapan dan pengamalan profesionalisme dalam aktiviti pengamalan perubatan

**Mengoptimumkan** daya tahan terhadap ancaman rasuah di MPM

**Memperkasakan** pengurusan kewangan

**Memperkasakan** akauntabiliti dalam pengurusan penyampaian perkhidmatan

**Meningkatkan** ketelusan proses perolehan awam dan mengurangkan risiko rasuah dalam perolehan awam

**Memantapkan** penyampaian perkhidmatan dalam operasi kesihatan

## Peta Risiko -Senarai Risiko Mengikut Bidang Keutamaan

---

No	Risiko	Bidang Keutamaan
1	Meminta dan menerima rasuah bagi aktiviti pengamal perubatan yang tidak mengikut profesionalisme yang dinyatakan	Pendaftaran dan Profesionalisme
2	Kebocoran maklumat berkaitan maklumat pendaftaran	
3	Kebocoran maklumat terperingkat	Pengurusan dan Pentadbiran
4	Campur tangan politik dalam pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) dan anggota MPM	
5	Kelewatan dalam memberi respon dan keputusan terhadap sesuatu isu yang timbul	Pengurusan dan Pentadbiran
6	Aduan tatatertib yang tidak diambil tindakan oleh KPE	
7	Salah guna kuasa oleh pegawai atasan dalam urusan pentadbiran dan pengurusan	Perolehan dan Kewangan
8	Mengetik <i>thumbprint</i> dan menghilangkan diri semasa waktu bekerja di pejabat	
9	Salah guna kuasa oleh pegawai atasan dalam urusan perolehan dan kewangan	Perolehan dan Kewangan
10	Salah guna kuasa oleh pegawai dalam membuat pemantauan dan pengawasan pretasi pengamal perubatan	Pegawalseliaan amalan perubatan pengamal perubatan
11	Berkompromi dengan pengamal perubatan dalam mematuhi kod etika pengamal perubatan	

# Matrik Kebarangkalian dan Impak Risiko

		Impak Risiko ( <i>Consequence</i> )				
		Insignificant	Minor	Moderate	Major	Catastrophic
Kebarangkalian berlaku ( <i>Likelihood</i> )	Almost certain			7		
	Likely			10	1,2,3,4,5, 6	
	Moderate			9,11	8	
	Unlikely					
	Rare					

Petunjuk :

Low	Moderate	Significant	High
-----	----------	-------------	------



# **BAB 3 | MEMPERKASA USAHA-USAHA PENCEGAHAN RASUAH DI MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA**

## BIDANG KEUTAMAAN:

# PENDAFTARAN DAN PROFESIONALISME

---

**Strategi 1:** Memperkuatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan MPM

No	Inisiatif	Bahagian Peneraju	Tempoh Masa
1	Menambah baik pelaksanaan SOP dengan memantapkan pemantauan ke atas proses kerja pendaftaran pengamal perubatan	Bahagian Pendaftaran dan Pembangunan Profesionalisme	5 tahun (Jan 2024 - Dis 2028)
2	Memantapkan pemantauan ke atas proses kerja berkaitan proses kelulusan permohonan pelesenan dan pendaftaran Perakuan Amalan Tahunan (APC)	Bahagian Pendaftaran dan Pembangunan Profesionalisme	5 tahun (Jan 2024 - Dis 2028)

BIDANG KEUTAMAAN:

## PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

---

**Strategi 2:** Menerapkan tadbir urus baik dalam mengekalkan entiti korporat MPM

No	Inisiatif	Bahagian Peneraju	Tempoh Masa
1	Melaksanakan program kesedaran antirasuah dan integriti kepada kakitangan MPM.	Unit Integriti	5 tahun (Jan 2024 - Dis 2028) atau berterusan
2	Tindakan punitif yang tegas diambil terhadap kakitangan yang terlibat dengan isu rasuah melalui tindakan tatatertib.	Unit Integriti	5 tahun (Jan 2024 - Dis 2028) atau berterusan
3	Melaporkan maklumat berkaitan rasuah kepada pihak SPRM.	Unit Integriti	5 tahun (Jan 2024 - Dis 2028) atau berterusan
4	Menambah baik struktur organisasi dalam MPM.	Unit Sumber Manusia	4 tahun (Jan 2024 - Dis 2027)
5	Melaksanakan penggiliran atau pusingan kerja terutamanya bagi jawatan berisiko tinggi.	Unit Sumber Manusia	5 tahun (Jan 2024 - Dis 2028) atau berterusan
6	Menambah baik klausa antirasuah dalam kod etika dan tatakelakuan MPM.	Unit Sumber Manusia	4 tahun (Jan 2024 - Dis 2027)

7	Mewujudkan program-program nilai murni di MPM (contoh Anugerah Pekerja Contoh) bagi membudayakan Akta SPRM 2009 (Akta 694).	Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa	4 tahun (Jan 2024 - Dis 2027) atau berterusan
8	Menambah baik sistem ‘rangkaian’ semasa.	Unit Teknologi Maklumat	3 tahun (Jan 2024 - Dis 2026)
9	Mengadakan program kesedaran kepada Ahli Majlis Perubatan Malaysia dan Ahli-ahli Jawatankuasa berkenaan integriti dan kerahsiaan maklumat.	Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa	2 tahun (Jan 2024 - Dis 2025)
10	Menambah baik SOP untuk mengawal kebocoran maklumat terperingkat.	Unit Pengurusan Kualiti dan Audit	5 tahun (Jan 2024 - Dis 2028)
11	Menambah baik elemen keselamatan sistem pengurusan maklumat dokumen.	Unit Pengurusan Kualiti dan Audit	3 tahun (Jan 2024 - Dis 2026)
12	Memberikan kefahaman berkaitan fungsi Majlis Perubatan Malaysia berdasarkan Akta Perubatan 1971 kepada mana-mana Ahli Majlis yang baru dilantik.	Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa	2 tahun (Jan 2024 - Dis 2025)

## BIDANG KEUTAMAAN: PEROLEHAN DAN KEWANGAN

---

**Strategi 3:** Memantapkan kecekapan pengurusan kewangan termasuk ketelusan dalam aspek perolehan

No	Inisiatif	Bahagian Peneraju	Tempoh Masa
1	Mengkaji dan menambah baik Prosedur Operasi Standard (SOP) pengurusan kewangan berikut:  i. Pembayaran tuntutan ii. Kutipan hasil	Unit Kewangan	2 tahun (Jan 2024 - Dis 2025)
2	Menambah baik kod etika dan tatakelakuan dengan mewujudkan elemen ketelusan dan integriti dalam perolehan awam.	Unit Kewangan	2 tahun (Jan 2024 - Dis 2025)
3	Mempertingkatkan kawalan peraturan kewangan sedia ada.	Unit Kewangan	2 tahun (Jan 2024 - Dis 2025)
4	Menambah baik SOP perolehan dan kewangan.	Unit Kewangan	5 tahun (Jan 2024 - Dis 2028)
5	Mendapatkan persijilan ISO 9001.	Unit Pengurusan Kualiti & Audit	5 tahun (Jan 2024 - Dis 2028)

BIDANG KEUTAMAAN:


## PENGAWALSELIAAN AMALAN PERUBATAN PENGAMAL PERUBATAN

---

### Strategi 4: Memperkasakan akauntibiliti kerja kakitangan MPM

No	Inisiatif	Bahagian Peneraju	Tempoh Masa
1	Membina SOP berkaitan Pembangunan aktiviti-aktiviti berkaitan pengamal perubatan.	Bahagian Pendaftaran & Pembangunan Profesionalisme	5 tahun (Jan 2024 - Dis 2028)
2	Menambah baik kawalan amalan perubatan supaya mematuhi kod etika pengamal perubatan.	Bahagian Etika & Perundangan	5 tahun (Jan 2024 - Dis 2028)
3	Menambah baik operasi pencegahan kepada pengamal perubatan yang melakukan kesalahan di bawah Akta yang berkuat kuasa.	Bahagian Etika & Perundangan	5 tahun (Jan 2024 - Dis 2028)
4	Menambah baik pelaksanaan lawatan dan pemeriksaan bagi memperoleh bahan bukti serta dokumen.	Bahagian Etika & Perundangan	5 tahun (Jan 2024 - Dis 2028)
5	Menambah baik penyelarasan dan pemantauan isu-isu perubatan diperingkat tempatan serta antarabangsa.	Bahagian Hubungan dan Antarabangsa	5 tahun (Jan 2024 - Dis 2028)

# MEKANISME PENYELARASAN DAN PEMANTAUAN





## BAB 4 | TADBIR URUS

# STRUKTUR PENTADBIRAN ANTIRASUAH MPM


Demi memastikan pelan ini dapat dilaksanakan secara cekap dan sistematik, Majlis Perubatan Malaysia (MPM) memilih untuk bertindak selari dengan struktur pentadbiran antirasuah yang telah diwartakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Struktur ini adalah seperti mana arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018 Pemantapan Integriti dan Antirasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Mekanisme Pengurusan Governans, Integriti dan Antirasuah Kebangsaan.

Struktur pentadbiran tersebut meliputi empat (4) peringkat iaitu peringkat operasi, peringkat KKM, peringkat Kementerian, peringkat Kebangsaan dan peringkat Kabinet Khas. Keempat-empat peringkat ini saling berkaitan dan memainkan peranan penting dalam menyokong pelaksanaan, pelaporan dan semakan OACP ini.



Struktur Tadbir Urus Pelan Antirasuah Majlis Perubatan Malaysia

# SENARAI AHLI JAWATANKUASA TATAKELOLA MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA 2024-2028





## BAB 5 | KESIMPULAN

# KESIMPULAN

Dengan segala usaha sama dari pelbagai pihak,

**Majlis Perubatan Malaysia** berharap dengan pewujudan Pelan Antirasuah Majlis Perubatan Malaysia 2024-2028 ini, program dan aktiviti pengukuhan tadbir urus, integriti dan antirasuah MPM akan lebih sistematik dan tersusun. Pelan ini juga diharap dapat membantu MPM untuk menutup ruang dan peluang berlakunya perlakuan jenayah rasuah akibat kelemahan amalan, sistem dan tatacara kerja serta kelemahan integriti dalam kalangan warganya.

Sehubungan dengan itu, kejayaan pelaksanaan pelan ini memerlukan kerjasama dan komitmen yang tinggi daripada semua pihak agar semua inisiatif yang telah dikenal pasti dapat dilaksanakan secara konsisten dan dipantau serta dinilai secara berterusan.





**IN THE COURSE OF PROVIDING SAFE AND COMPETENT HEALTH CARE SERVICES FOR THE COUNTRY, THE MALAYSIAN MEDICAL COUNCIL WAS ESTABLISHED BY AN ACT OF PARLIAMENT APPROVED ON 27 SEPTEMBER 1971 AND GAZETTED ON 30 SEPTEMBER 1971.**



03-2691 2171

[www.mmc.gov.my](http://www.mmc.gov.my)

**Malaysian Medical Council (MMC)**

Aras 1, Blok C, Jalan Cenderasari, Tasik Perdana, 50590

Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur